

HAIWAN DALAM AL-QURAN MENURUT TAFSIR ILMI
KAJIAN TERHADAP LEBAH SEMUT DAN LABAH-LABAH

MOHD HAFIZULLAH BIN MD ABAS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2015

DEDIKASI

Ayahanda dan bonda kandung & kedua mertua yang disayangi

Segala dorongan, sokongan, pengorbanan

dan iringan doa tulus kalian

Membuatkan anakanda teguh di sini

Isteri tercinta

Kasih sayang, bimbingan dan dorongan yang diberi

Sentiasa membakar semangat juangku

Kaulah tunjang inspirasi hatiku

Guru-guru, Pensyarah dan Pendidik yang dihormati

Ilmu yang dicurah tidak terhingga

Umpama air di lautan

Tidak mengenal erti jemu

Hanya sekalung budi tersemat di jiwa

Sahabat-sahabat yang dikasihi

Mengenalii kalian saat terindah bagiku

Mengenal erti persahabatan, erti kehidupan

Bersama mengharungi cabaran

Semoga ukhuwah fillah yang terbina kekal selamanya

Barakallahufikum

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat Baginda. Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT dengan berkat pertolongan, taufiq serta inayah-Nya telah mengizinkan saya menyiapkan penulisan tesis sarjana ini.

Jutaan penghargaan buat Dr. Arieff Salleh bin Rosman selaku penyelia tesis sarjana ini di atas sumbangan idea, penyemakan, penyeliaan dan segala susah payah

yang telah beliau sumbangkan sepanjang tempoh menyiapkan projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada ayah, Md Abas bin Abdul Latiff dan ibu Normawati binti Adnan, serta isteri tercinta Hanisah Abdul Rahman dan kedua mertua yang dikasihi lagi disayangi di atas sokongan, motivasi serta iringan doa kecemerlangan yang tidak putus-putus buat saya. Kalianlah tunjang inspirasi saya untuk terus maju dan cemerlang.

Ucapan penghargaan juga diberikan khas buat para pensyarah Fakulti Tamadun Islam mahupun kakitangannya yang telah mencurahkan segala bentuk ilmu sepanjang pengajian saya di Universiti Teknologi Malaysia serta jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak.

ABSTRAK

Kajian ini menjurus kepada tafsir ilmi terhadap ayat berkaitan haiwan dalam al-Quran khususnya lebah, semut, dan labah-labah. Tafsir ilmi merupakan salah satu corak *tafsir bi al-ra'y* (akal) yang didasarkan kepada ijihad *mufassirun* (ahli tafsir) mengikut keilmuan dan tuntutan kehidupan masyarakat. Corak pendekatan tafsir ilmi semakin banyak digunapakai oleh ilmuwan Islam kontemporari kerana dilihat mampu menonjolkan kemukjizatan al-Quran apabila dapatan kajian saintifik didapati selari dengan ayat-ayat *kawniyyat* yang dibicarakan al-Quran lebih 1400 tahun lalu. Walaupun tafsiran ilmi mempunyai kelebihan yang tersendiri, namun ia masih mendapat tentangan sebahagian ulama seawal kemunculannya hingga kini. Oleh demikian, kajian ini dilakukan bagi menganalisis pendapat *mufassirun* terhadap tafsir ilmi dan seterusnya mengaplikasikan konsep tafsir ilmi berkaitan ayat yang bertema haiwan dalam al-Quran khususnya lebah, semut dan labah-labah. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggabungkan dua kaedah tafsir iaitu tafsir tematik dan tafsir ilmi. Data diperolehi daripada kitab-kitab tafsir yang berautoriti serta penulisan para sarjana yang berkaitan dengan tafsir ilmi. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemukjizatan al-Quran dapat dibuktikan melalui hubungan antara ayat bertema haiwan yang disebut oleh al-Quran dengan kajian saintifik semasa. Juga disimpulkan bahawa pendekatan tafsir ilmi mendapat perhatian dalam kalangan sarjana Islam kerana kelebihan yang tersendiri. Namun, penggunaan pendekatan ini perlu dijalankan dengan berhati-hati dan mematuhi syarat ketat yang telah digariskan oleh *mufassirun* agar tidak menyimpang daripada maksud dan tujuan penurunan sesuatu ayat.

ABSTRACT

This study focuses on the scientific based interpretation (*tafsir ilmi*) of the animal's related verses in the Quran, especially bees, ants, and spiders. *Tafsir ilmi* is one of the types of *Tafsir bi al-Ra'y* (by sound opinion/knowledge) that based on the ijthihad of *mufasssirun* (Quran Scholars) according to their intelligence and the state of community. This kind of interpretation is widely used by the contemporary Islamic scholars due to its ability to show the miracles of the Quran when findings from today's scientific and empirical studies are in line with *kawniyyat* verses in the Quran that was revealed over 1400 years ago. Although *tafsir ilmi* has its own advantages, some scholars are rejecting it. Therefore, this study is conducted to analyse the opinions of *mufasssirun* regarding *tafsir ilmi* and its application in interpreting the Quranic verses related to animals. This qualitative study combines two methods of interpretations which are thematic and scientific interpretations. Data are obtained from authoritative books of interpretation (*tafsir*) as well as writings from scholars in this field. Data are then analysed by document analysis method. Findings from this study indicate that the miracles of the Quran can be proven by combining the Quranic verses related to the animals with the current scientific researches. It is also concluded that scientific based interpretation is highly accepted by Islamic scholars due to its own advantages. However, this approach should be undertaken cautiously and must comply with the strict requirements outlined by the *mufasssirun* in order to assure the intention, meaning and purpose of that particular Quranic verses are not digressed.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	6
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Batasan Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	11
	1.8 Definisi Istilah	12
	1.8.1 Tafsir	12
	1.8.2 Ilmi	13
	1.9 Kajian Lepas	14
	1.10 Metodologi Kajian	17
	1.10.1 Sebab Kaedah Ini Dipilih	18
	1.11 Kesimpulan	18
2	TAFSIR ILMU	

2.1	Pengertian Tafsir Ilmi	20
2.2	Tujuan dan Keperluan Tafsir Ilmi	26
2.3	Sejarah Kemunculan Tafsir Ilmi dan Perkembangannya	33
2.3.1	Sejarah Kemunculan Tafsir Ilmi	33
2.3.2	Sebab-sebab Perkembangan Tafsir Ilmi	40
2.3.3	Ulama-ulama yang Menafsirkan Al- Quran dengan Tafsir Ilmi	42
2.3.3.1	Ulama-ulama Peringkat Awal	42
2.3.3.2	Ulama-ulama Masa Kini	50
2.4	Kedudukan Tafsir Ilmi Di sisi Para Ulama	60
2.4.1	Ulama yang Menerima Tafsir Ilmi serta hujah-hujahnya	60
2.4.2	Ulama yang Menolak Tafsir Ilmi serta hujah-hujahnya	61
2.4.3	Ulama yang Menerima Tafsir Ilmi dengan Bersyarat	66
2.4.4	Ulasan Terhadap Ketiga-tiga Pandangan	71
2.5	Kesimpulan	72
3	KONSEP HAIWAN MENURUT AL-QURAN	
3.1	Pendahuluan	75
3.2	Surah-surah Berkaitan Nama Haiwan dalam Al-Quran Al-Quran	76
3.3	Ayat-ayat Haiwan dalam Al-Quran	84
3.3.1	Haiwan-haiwan yang Disebut Secara Khusus	85
3.3.2	Haiwan-haiwan yang Disebut Secara Umum	111
3.4	Fungsi-fungsi Haiwan dalam Al-Quran	138
3.5	Kesimpulan	148

4	TAFSIR ILMU : LEBAH , SEMUT DAN LABAH-LABAH	
	4.1 Pendahuluan	150
	4.2 Lebah	151
	4.2.1 Pandangan Ahli Tafsir	152
	4.2.2 Pandangan Ilmiah (Saintifik)	153
	4.2.3 Pengajaran	161
	4.3 Semut	162
	4.3.1 Pandangan Ahli Tafsir	162
	4.3.2 Pandangan Ilmiah (Saintifik)	165
	4.3.3 Pengajaran	170
	4.4 Labah-labah	170
	4.4.1 Pandangan Ahli Tafsir	171
	4.4.2 Pandangan Ilmiah (Saintifik)	172
	4.4.3 Pengajaran	177
	4.5 Kesimpulan	177
5	KESIMPULAN DAN PENUTUP	
	5.1 Kesimpulan	179
	5.2 Cadangan Kajian Lanjutan	181
	5.3 Penutup	182
	RUJUKAN	187

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Yang Maha Pengasihani. Segala puji bagi-Nya Tuhan yang Menguasai Hari Pembalasan. Dia yang memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki dan sesiapa yang disesatkan-Nya maka tiadalah petunjuk baginya. Selawat dan salam buat Rasul junjungan tercinta Muhammad SAW, ahli keluarganya dan para sahabatnya yang diredhai Allah SWT.

Al-Quran ialah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada penghulu segala Nabi, Muhammad SAW melalui Jibril AS secara *mutawatir* (beransur-ansur) selama 23 tahun selepas kenabian Rasulullah SAW. Ia merupakan mukjizat yang agung, padanya petunjuk dan panduan untuk sekalian umat. Allah SWT berfirman:

ذٰلِكَ اَلْكِتٰبُ لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah, 2: 2)

Panduan ini tidak diperoleh hanya dengan membaca secara bersahaja tanpa memahami maknanya dan mengamalkan isinya. Menurut Israr Ahmed (1993), al-Quran perlu difahami dengan dua peringkat. Peringkat pertama ialah “*tazakkur*” yang membawa maksud ingatan, amaran dan nasihat. Setiap manusia sama ada sederhana atau bijak memerlukan “*tazakkur*” yang konsisten, iaitu amat perlu selalu diperingatkan kita kepada keimanan yang sering dilupakan. Inilah sebabnya mengapa Allah SWT telah menciptakan al-Quran yang begitu mudah untuk tujuan “*tazakkur*”. Kenyataan ini telah dinyatakan empat kali dalam surah al-Qamar iaitu pada ayat 17, 22, 32 dan 40. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “*Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?*”

(Surah al-Qamar, 54: 17)

Peringkat kedua bagi memahami al-Quran ialah “*tadabbur-fil-Quran*”, iaitu berfikir dengan lebih mendalam, menjadikannya satu pelajaran yang penting dan terokai khazanah ilmu dan rahsianya. Al-Quran memerlukan kajian yang mendalam kerana ia adalah “*هدى للناس*” iaitu panduan untuk semua manusia. Perkara ini ditekankan oleh

Allah SWT melalui firman-Nya:

كَتَبْنَا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “*(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.*”

(Surah Shaad, 38: 29)

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.”

(Surah an-Nisaa’, 4: 82)

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ﴿٨٢﴾

Maksudnya: “(setelah diterangkan yang demikian) Maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)?”

(Surah Muhammad, 47: 24)

Kalimah “يتدبرون” adalah berasal dari “*tadabbur*” yang mana berasal dari kata “*tadabbara*” yang beerti meneliti atau menilik-nilik pekerjaan atau perbuatan yang di belakangnya dan kesudahannya. Maka yang dimaksudkan dengan “*tadabbur*” pada al-Quran itu ialah meneliti atau menilik kesudahan atau akibat yang dimaksud atau ditujunya, serta bagaimana akibat orang-orang yang mengerjakan pimpinannya dan yang menyalahi perintahnya. (Noraine Abu, 1997)

Syekh Muhammad Abduh dalam kitab tafsirnya “*Al-Hakim*” ketika menafsirkan ayat 82 dari surah an-Nisaa’ telah menghuraikan dengan panjang lebar erti mentadabburkan al-Quran. Antara katanya: “Kesimpulan dari erti ayat itu ialah bahawa

sesungguhnya memperhatikan al-Quran itu ialah memikirkan dan mengenangkan apa petunjuknya dengan susunan katanya yang berbeza sendiri itu, dan itulah yang menjadi jalan hidayah petunjuk yang lurus, jalan kebenaran. Dengan ini maka orang yang memperhatikannya, dapatlah baginya suatu keterangan bahawa al-Quran itu datangnya dari hadirat Allah. Lantaran datangnya dari hadirat Allah yang bersifat kasih sayang terhadap hamba-hambaNya, Yang Maha Mengetahui segala yang menjadi kemaslahatan dan kepentingan mereka, maka yang ditunjukkan oleh-Nya itu tentu sesuai dengan akal fikiran dan fikiran mereka, selaras dengan asal kejadian mereka dan yang pasti sesuai dengan kepentingan umum. Maka wajiblah atas mereka mengikut petunjuk dan pimpinan-Nya(al-Quran) yang telah diturunkan kepada pesuruh-Nya itu.” (Noraine Abu, 1997)

Bagi mentadabbur al-Quran ianya memerlukan beberapa prinsip ilmu yang telah digaris pandu oleh Allah SWT dan juga utusan-Nya Muhammad SAW serta para ulama. Di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang tidak diperincikan secara khusus dan memerlukan tafsiran iaitu makna lain yang lebih khusus bagi menyampaikan maksudnya. Ayat-ayat ini dikenali sebagai ayat *'am* (am) atau *mujmal* (global). Di antara kumpulan ayat-ayat ini terdapat ayat yang berkaitan dengan penciptaan alam dan fenomenanya. Ianya dikenali sebagai ayat-ayat *kauniyyat* (penciptaan).

Sebahagian besar ayat-ayat ini hanya disebut secara umum kerana Allah SWT ingin mengajar manusia supaya berfikir. Firman-Nya :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan,*

dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.”

(Surah Ali-Imran, 3: 190)

Ini secara langsung merupakan isyarat yang Allah tetapkan kepada manusia bahawa ayat-ayat *kauniyyat* ini mampu difahami dan diterjemahkan melalui kajian-kajian terhadap fenomena-fenomena alam yang telah disebutkan di dalam al-Quran.(Ahmad Umar, 2001). Hasil-hasil kajian ini akhirnya melahirkan kekaguman dan ketakjuban pada setiap insan terhadap keunikan penciptaan alam ini seterusnya tunduk pada kekuasaan Penciptanya iaitu Allah SWT. Inilah tujuan al-Quran diturunkan sebagaimana firman-Nya:

وَلَقَدْ جِئْنَاهُمْ بِكِتَابٍ فَصَّلْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah datangkan kepada mereka, sebuah kitab (al-Quran) yang Kami telah menjelaskannya satu persatu berdasarkan pengetahuan (Kami yang meliputi segala-galanya), untuk menjadi hidayah petunjuk dan rahmat, bagi orang-orang yang (mahu) beriman.”

(Surah al-A‘raaf, 7: 52)

Bagi mencapai tujuan ini para tafsir dan ilmuan islam telah menggabungkan disiplin ilmu tafsir yang telah sedia ada dengan penemuan-penemuan saintifik yang kukuh (tetap dan tidak berubah-ubah) mengikut prinsip-prinsip ilmu sains yang sedia ada. Hasil gabungan ini maka lahirlah konsep tafsir yang baru iaitu tafsir ilmi.

Maka kajian terhadap ayat-ayat haiwan merupakan penyelidikan tafsir al-Quran yang bukan sahaja dikhususkan dalam bidang syariah dan akidah, bahkan ianya juga menggabungkan aspek sains dan teknologi. Kajian ini tidak bermaksud untuk mengatakan tafsir al-Quran yang sedia ada tidak relevan lagi, tetapi kajian ini dilakukan bagi mempelbagaikan cabang tafsir al-Quran dari sudut ilmu pengetahuan sekaligus menambahkan keimanan atas kebesaran ciptaan-Nya. Ilmu turath tafsir yang tersimpan dalam khazanah ilmu keislaman selama ini akan dilibatkan secara bersama dengan lebih aktif dan dapat dipraktikkan secara saintifik dalam setiap isu-isu sains kontemporari

dengan lebih berkesan, cepat dan tepat. Ia berperanan untuk memberi lebih kesedaran kepada masyarakat dalam memahami dan menghayati kandungan al-Quran dengan pendekatan sains dan teknologi yang lebih bersifat bukti dan fakta yang jelas berdasarkan penemuan-penemuan daripada kajian saintifik yang telah dijalankan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Realiti hari ini umat Islam sedang berdepan serangan dari musuh-musuhnya bukan hanya dari sudut fizikal tetapi pemikiran. Antara bentuk serangan pemikiran ialah konsep sekularisme iaitu memisahkan agama dari semua aspek kehidupan bagi tujuan mencapai kemajuan manusia. Agama dilihat candu yang menghalang kemajuan manusia yang diasaskan oleh sains yang memacu kemajuan manusia hari ini. Serangan ini telah berjaya menumbangkan kerajaan Islam Uthmaniah yang kesannya umat Islam hari ini menjadi lemah dan terpisah antara satu sama lain. Wujud semangat kebangsaan dan berpauk-pauk seperti zaman jahiliyyah dahulu. (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2010)

Apabila agama dilihat lemah dan memainkan peranan kecil dalam hidup maka secara sengaja umat Islam telah meninggalkan sumber wahyu mereka dalam menjalani kehidupan yakni al-Quran. Al-Quran dalam masyarakat Islam hari ini kebanyakannya hanya dibaca sebagai satu bentuk ibadat semata-mata atau untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja tanpa ada penghayatan keperluannya dalam hidup. (Moenawar Kholil, 1985)

Perkara ini terjadi kerana pertama, berlaku salah faham terhadap al-Quran. Fungsi al-Quran yang sebenar tidak diamalkan. Al-Quran di tangan umat Islam kini dibaca kepada manusia yang telah mati, dibaca dalam pertemuan-pertemuan, ditulis dan

dijadikan azimat atau benda keramat kemudian digantung pada leher orang sakit. Wallhal al-Quran itu tidak diturunkan melainkan untuk dihayati dan direnung (*tadabbur*). *Tadabbur* melahirkan keimanan, menanam keikhlasan dalam kalbu dan memberi pelajaran kepada kita tentang tauhid. (‘Aidh al-Qarni, 2006)

Perkara ini memberi perspektif yang salah terhadap al-Quran serta melenyapkan fungsi utama al-Quran. Kesannya, al-Quran tidak lagi dipakai sebagai sumber utama dalam mencari penyelesaian masalah, menentukan tindak tanduk manusia dan mencorakkan indentiti sesebuah negara umat Islam.

Kedua, umat Islam secara umum lebih tertumpu minat pada soal membaca dan melagukan al-Quran berbanding mengetahui isi kandunngannya. Perkara ini dapat dilihat melalui program wajib umat Islam saban tahun iaitu pertandingan membaca al-Quran. Tanpa menolak kebaikan program tersebut yang mempopularkan tajwid (cara bacaan al-Quran yang betul) tetapi adakah program tersebut merapatkan jurang kita dengan al-Quran? Sudah tentu tidak. (Israr Ahmed, 1993)

Maka kita perlu kembali melihat tuntutan al-Quran kepada setiap muslim dan melaksanakannya tanpa bertanggung lagi. Tuntutan tersebut ialah:

- (1) Seorang muslim wajib percaya kepada al-Quran.
- (2) Seorang muslim wajib membaca al-Quran.
- (3) Seorang muslim wajib memahami kandungan al-Quran.
- (4) Seorang muslim wajib amalkan apa yang dipelajari dari al-Quran.
- (5) Seorang muslim wajib menyampaikan apa yang dipelajari dari al-Quran.

Ketiga, sebahagian para penulis yang membela Islam pada umumnya menempuh cara menyajikan nash-nash serta dalil-dalil al-Quran dan Sunnah. Tidak dinafikan cara tersebut amat bermanfaat bagi mereka yang percaya pada kitab Allah dan Sunnah Rasul-

Nya. Akan tetapi bagi mereka yang hidup dalam penyelewengan seperti para penganut fahaman dan ajaran yang rosak antaranya Komunis, Gadeyani, Masoneri, dan Atheis, ayat-ayat al-Quran dan Sunnah kurang memberi manfaat kepada mereka kerana mereka tidak terpengaruh dengan ucapan para nabi dan tabi'in serta pemikiran para ulama ulung mazhab-mazhab utama dalam Islam. (Shalah Abdul Qadir Al-Bakry, 1983)

Justeru, para da'i Islam yang hendak mendekati mereka harus dapat menempuh cara-cara ilmiah yang lazim ditempuh oleh para sarjana dan kaum cendekiawan mereka. Para da'i harus mampu mengemukakan kebenaran dan hakikat Islam kepada mereka dengan jalan ilmiah. (Shalah Abdul Qadir Al-Bakry, 1983)

Keempat, umat Islam kurang usaha dan kajian dalam membongkar dan meyebarakan rahsia-rahsia al-Quran. Kita meyakini secara *qat'i* bahawasanya al-Quran itu kalam dan ilmu Allah yang wajib dijadikan panduan dalam segala tindak tanduk tetapi kita tidak menerangkan secara terperinci bentuk panduan itu. Islam memberi kebebasan kepada umatnya bagi menterjemahkan bentuk panduan al-Quran dari pelbagai sudut pandang ilmu termasuklah ilmu sains. Al-Quran bukan semata-mata panduan untuk umat Islam bahkan manusia secara keseluruhannya. Ilmu yang diperolehi oleh umat Islam wajib disebarakan ke seluruh dunia bukan hanya berlegar di sekitar mereka.

Keperluan tafsir al-Quran menjadi perkara utama bagi menyelesaikan salah faham terhadap al-Quran dan menterjemahkan peranannya sebagai panduan hidup manusia. Oleh demikian ulama Islam mengambil pendekatan tafsir ilmi. Iaitu mentafsirkan maksud ayat-ayat al-Quran menggunakan fakta saintifik yang kukuh.

1.3 Pernyataan Masalah

Justeru itu, kajian dalam bidang tafsir ilmi perlu dipergiatkan lagi terutamanya berkaitan haiwan bagi menonjolkan kebesaran al-Khaliq (Allah) dalam usaha mengembalikan sains pada agama dan mencari pengajaran daripada haiwan yang boleh dimanfaatkan manusia sejagat.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

- (1) Menganalisis konsep tafsir ilmi.
- (2) Menganalisis konsep haiwan menurut al-Quran.
- (3) Menganalisis tafsir ilmi berkaitan lebah, labah-labah dan semut.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang telah dinyatakan, berikut merupakan persoalan kajian yang hendak dicapai:

- (1) Apakah perbahasan konsep tafsir ilmi dalam bidang ilmu tafsir?
- (2) Apakah perbahasan berkenaan haiwan-haiwan dalam al-Quran?
- (3) Apakah tafsiran ilmiah terhadap ayat-ayat lebah, semut dan labah-labah di dalam al-Quran?

1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah sebagaimana berikut:

- (1) Kajian ini hanya menguraikan perbincangan haiwan dalam al-Quran dari konteks jumlah ayat-ayatnya, pembahagiannya menurut bentuk penceritaannya sama ada umum atau khusus, tujuan penurunannya, dan pengajarannya.
- (2) Kajian tafsir dijalankan hanya terhadap ayat-ayat lebah, labah-labah dan semut sahaja. Ini kerana pertama, ketiga-tiga haiwan tersebut diabadikan Allah SWT nama-namanya menjadi surah-surah dalam al-Quran berbanding haiwan-haiwan yang lain. Yang kedua, ketiga-tiga haiwan tersebut mempunyai spesis yang banyak dan hampir wujud di serata dunia termasuk di Malaysia. Oleh demikian lebih mudah kita mengambil pengajaran apabila mengamati tafsir-tafsirnya kerana dapat melihat sendiri cara kehidupan haiwan-haiwan tersebut. Yang ketiga, haiwan-haiwan tersebut tergolong dalam kelompok serangga yang mempunyai jisim dan tenaga yang lebih kecil berbanding manusia. Namun kebijaksanaan Allah SWT yang menjadikan mereka dengan kelebihan-kelebihan tertentu melahirkan rasa kagum dan hormat manusia terhadap Penciptanya.
- (3) Tafsir al-Quran adalah topik utama perbincangan manakala perbincangan berkaitan sains dan teknologi pula adalah topik sampingan yang melengkapkan kajian.
- (4) Huraian saintifik terhadap ketiga-tiga haiwan ini tidak secara menyeluruh bahkan terbatas pada sudut sains yang selari dengan petunjuk al-Quran yang terdapat dalam ayat-ayatnya.
- (5) Huraian saintifik yang dilakukan ke atas ayat-ayat al-Quran yang dikaji adalah secara ringkas dan tidak terlalu mendalam.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini akan memberikan impak yang positif kepada pelbagai pihak sebagaimana yang dinyatakan berikut:

- (1) Bagi kerajaan, kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan dalam menggalakkan lagi pelbagai sektor kerajaan dan swasta melakukan kajian saintifik terhadap ayat al-Quran yang berkaitan dengan jabatan masing-masing .
- (2) Bagi setiap penyelidik yang menjalankan kajian khusus dalam bidang sains dan teknologi, hasil kajian ini akan menjadi sumber inspirasi untuk memahami isi kandungan al-Quran dari perspektif agama dan sains serta menjalankan lebih banyak kajian saintifik terhadap ayat-ayat al-Quran.
- (3) Bagi penyelidik yang menjalankan kajian khusus dalam bidang agama, kajian ini akan menjadi batu loncatan untuk menjalankan lebih banyak kajian yang menghubungkan antara bidang agama dan bidang sains.
- (4) Bagi setiap pendidik, kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan tambahan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan keimanan dan minat pelajar terhadap sesi pembelajaran.
- (5) Bagi setiap pelajar yang menuntut dalam bidang pengajian sains dan teknologi, kajian ini boleh meningkatkan keyakinan mereka terhadap Islam dan keagungan kuasa Allah berdasarkan kepada penemuan-penemuan saintifik yang bertepatan dengan al-Quran.
- (6) Bagi setiap pelajar yang menuntut dalam bidang agama, kajian ini akan menggalakkan mereka untuk menguasai asas bidang sains dan teknologi di samping usaha untuk mempunyai kepakaran dalam bidang agama.
- (7) Bagi masyarakat umum, kajian akan menjadi bahan tambahan dalam menambah dua ilmu pengetahuan dalam satu masa serta meningkatkan keimanan terhadap Allah dengan mengetahui wujudnya penemuan-penemuan sains yang mengukuhkan kebenaran al-Quran.

1.8 Definisi Istilah

Pemahaman terhadap istilah utama dalam setiap kajian adalah penting demi memastikan kefahaman yang bertepatan dengan maksud yang hendak disampaikan dalam setiap perbahasan kajian. Terdapat tiga istilah utama yang perlu difahami dalam kajian ini iaitu tafsir, sains, dan teknologi.

1.8.1 Tafsir

Menurut *Ibn Manzhur* (2005), tafsir berasal dari kata dasar (فسر) atau *al-fasru* yang bermaksud penerangan ataupun menyingkap sesuatu perkara yang tertutup. Maka tafsir didefinisikan sebagai penerangan atau penjelasan makna ke atas lafaz yang *musykil* (kabur dan susah difahami). Manakala Kamus Dewan Edisi ketiga (2002:1566) pula menyatakan tafsir bermaksud keterangan dan penjelasan berkenaan ayat-ayat Quran (kitab suci), kupasan, dan ulasan. Manakala ahli tafsir bermaksud orang yang bijak menerangkan maksud atau tujuan ayat-ayat Quran. Mentafsirkan bermaksud menerangkan maksud (ayat-ayat al-Quran), memberi penjelasan (keterangan), mengulas, mengertikan, dan menjelaskan. Manakala tafsiran bermaksud keterangan dan penjelasan (maksud ayat dan lain-lain) kupasan, dan ulasan.

Oleh itu, tafsir yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah huraian yang lengkap terhadap setiap ayat-ayat *kauniyyat* yang terdapat al-Quran mengikut metod tafsir ilmi. Ia bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap setiap ayat al-Quran dari aspek sains dan pengajarannya.

1.8.2 Ilmi

Ilmi di sini diterjemahkan sebagai sains. Sains adalah kajian sistematis atau kunci pengetahuan dalam menghasilkan penjelasan yang boleh dipercayai tentang sesuatu fenomena alam fizikal melalui eksperimen, pemerhatian dan kesimpulan. (*The Dictionary of Science*,1994)

Merujuk Kamus Dewan Edisi ke-3, (2002), sains adalah ilmu pengetahuan yang teratur (sistematis) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Ia juga adalah cabang ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata. Antara bidang ilmu berkaitan sains adalah seperti fizik, kimia, biologi, dan sebagainya.

Manakala menurut *Oxford Dictionary of English* (2003), sains adalah aktiviti intelektual dan pratikal merangkumi kajian yang sistematis berkaitan struktur dan perlakuan alam semula jadi melalui pemerhatian dan eksperimen.

Manakala sains yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah satu bidang ilmu yang sistematis dalam kajian yang dilakukan terhadap haiwan yang dikenali sebagai ilmu Zoologi. Zoologi adalah pengajian saintifik tentang kehidupan haiwan termasuk anatomi, fisiologi, evolusi, genetic, embriologi, perlakuan haiwan, ekologi dan taksonomi. (*The Encyclopedic Dictionary of Science*,1988)

(*The Dictionary of Science*,1994), pula menyatakan zoology ialah cabang biologi yang menekankan tentang pengajian haiwan termasuk penerangan tentang haiwan yang wujud di zaman ini, evolusi, anatomi, fisiologi, embriologi, perlakuan dan taburan geografi.

1.9 Kajian Lepas

Sepanjang penelitian penulis, penulisan-penulisan yang membincangkan soal tafsir ilmi dan tafsirannya terhadap ayat-ayat haiwan dalam al-Quran tidak begitu banyak. Yang lebih banyak ialah yang terpisah iaitu penulisan yang membincangkan soal tafsir ilmi sahaja dan juga yang membincangkan tafsiran ayat-ayat haiwan secara ilmi. Antara penulisan-penulisan tersebut ialah:

- (1) Abdul Majid Abdus Salam Al-Muhtasib (1982). *Ittijahat al-Tafsir Fi al-Ashri al-Rahin*. Kitab beliau telah diterjemah ke bahasa Indonesia oleh . Moh Maghfur Wachid bawah tajuk *Visi dan Paradigma Tafsir al-Qur'an Kontemporer*. Beliau merupakan doktor dalam bidang tafsir di Timur Tengah. Buku ini membahaskan aliran tafsir para mufassir terdahulu iaitu aliran salaf dan aliran-aliran tafsir moden iaitu aliran rasional yang menghubungkan Islam dan aliran sains. Beliau secara jelas merincikan kesalahan-kesalahan aliran moden yang bagi pendapat beliau telah menyimpang dari landasan tafsir sendiri. Beliau telah memilih pendapat salaf dan menyatakan sebab-sebabnya.
- (2) Dr. Mohamed Salleh (1992), *Rahsia Pengungkapan Serangga Dalam Al-Quran*. Beliau adalah pensyarah di Jabatan Zoologi Fakulti Sains Hayat Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku beliau adalah diantara kajian khusus yang membincangkan serangga-serangga yang disebutkan di dalam al-Quran melalui olahan ilmu haiwan. Sebanyak lapan jenis serangga yang dibincang. Oleh kerana keahlian beliau dalam bidang zoologi dan bukan bidang tafsir, pengolahan buku ini dalam menafsirkan ayat-ayat tersebut mengikut disiplin ilmu tafsir adalah terhad. Objektif kajian beliau ialah membincangkan perihal serangga-serangga dalam al-Quran dari sudut ilmu haiwan serta mengungkapkan kepentingan dan peranan serangga tersebut terhadap manusia dan alam semula jadi. Adapun yang membezakan dengan kajian penulis ialah beliau tidak membincangkan konsep tafsir ilmi dan juga menafsirkannya.
- (3) Dr. M. Quraish Shihab (1996), dalam bukunya, *Membumikan Al-Quran; Fungsi dan Peranan Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*, secara umum membincangkan tentang peranan al-Quran sebagai wahyu dan cara memahaminya. Dan yang paling banyak dibincangkan ialah konsep tafsir termasuklah tafsir ilmi. Antara persoalan tafsir ilmi yang disentuh ialah

kebenaran ilmiah dalam al-Quran, penafsiran ilmiah al-Quran, hikmah ayat ilmiah dalam al-Quran, kolerasi antara al-Quran dan ilmu pengetahuan, perkembangan tafsir ilmiah, mengapa tafsir ilmiah meluas?, pendapat para ulama tentang tafsir ilmiah dan lain-lain. Tujuan penulisan beliau ialah mengembalikan peranan al-Quran sepatutnya yakni sebagai wahyu dan memperbaiki salah faham dalam memahaminya. Walaupun terselit perbincangan tafsir ilmi dalam kajian beliau tetapi ianya tidak dibincangkan secara mendalam serta tidak diletakkan dalam bab khas malah terpisah-pisah dan tidak teratur.

- (4) Dr. Ahmad Umar Abu Hajar (2001), *Tafsir Ilmi Al-Quran fi Al-Mizan*. Buku beliau adalah diantara kajian khusus yang membincangkan konsep tafsir ilmi secara mendalam. Bermula dari konsep tafsir, pengertian tafsir ilmi, perkembangannya, ulama-ulama mempraktikkannya, golongan yang menerima dan menolaknya, sehingga kepada contoh-contohnya. Tujuan kajian beliau jelas iaitu menghuraikan konsep tafsir ilmi secara mendalam. Adapun yang membezakan dengan kajian penulis ialah beliau tidak membincangkan konsep ayat-ayat haiwan dalam al-Quran dan juga menafsirkannya.
- (5) Mazlan Ibrahim (2002), *Sejarah dan Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy*. Kajian beliau menghuraikan tentang dua perkara pokok iaitu sejarah bermulanya tafsir ilmi dan pandangan para ulama tafsir terhadapnya. Maka tujuan kajian beliau adalah mengetahui sejarah bermulanya tafsir ilmi dan juga pandangan ulama terhadapnya. Kesimpulan kajian beliau ialah tafsir ilmi telah bermula bibitnya sejak zaman Rasulullah SAW dan terdapat ulama yang menerima dan menentang penggunaan metode ilmiah dalam menafsir al-Quran serta yang membenarkannya dengan syarat. Kajian beliau secara umumnya sama seperti kajian penulis tetapi tidak menyentuh soal perbincangan ayat-ayat haiwan dalam al-Quran yang menjadi persoalan pokok dalam kajian penulis.
- (6) Muhammad Kamil Abdul al-Shamad (2002), *Al-I'jaz Al-Ilmiy Al-Islam fi Al-Quran Al-Karim*. Telah diterjemah ke dalam bahasa Indonesia oleh Alimin, Gha'neim dan Uzair Hamdan dengan judul *Mukjizat Ilmiah Dalam Al-Quran*. Buku ini telah membincangkan tentang mukjizat ilmiah yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran yang dibahagikan mengikut pecahan ilmu sains moden seperti

ilmu arkeologi, ilmu geografi, ilmu pertanian (argonomi), ilmu haiwan (zoologi), ilmu serangga (entomologi), biologi, ilmu perubatan dan lain-lain. Tujuan kajian beliau ialah untuk mengetengahkan kemukjizatan ilmiah yang ada pada setiap ayat-ayat kawaniyyat melalui pembahagian sains. Beliau menggunakan metode tematik (bertema) dengan mengumpulkan setiap ayat-ayat al-Quran yang membicarakan dibawah tajuk-tajuk sains tertentu dan menghuraikannya secara ilmiah dengan ringkas. Walaupun beliau membincangkan soal haiwan dalam al-Quran mengikut khemat penulis ia masih umum kerana tidak semua haiwan-haiwan dalam al-Quran dibincangkan melainkan beberapa jenis dan penghuraian ilmiah yang dilakukan ringkas serta bukan dalam corak tafsir.

- (7) Dr. Zaghlul Al-Raghib Muhammad An-Najar (2010), *Min Ayat Al-I'jaz Al-'Ilmiy Al-Hayawan fi Al-Quran Al-Karim*. Beliau adalah diantara ulama kini yang telah menafsirkan al-Quran secara ilmiah khusus dalam bidang ayat-ayat kawaniyyat. Buku beliau ini menghimpunkan sekitar dua puluh sembilan pecahan ayat daripada ayat-ayat haiwan dalam al-Quran yang ditafsirkan secara ilmiah dengan mendalam. Ini didorong oleh penguasaan beliau dalam ilmu haiwan (zoologi) dan ilmu tafsir. Tujuan beliau menulis adalah untuk menghuraikan makna ayat-ayat al-Quran di sisi kemukjizatan ilminya. Metode yang dipakai jelas iaitu metode tematik (bertema) dengan menghimpunkan sekitar dua puluh sembilan ayat bertemakan haiwan dalam al-Quran. Buku ini menjadi rujukan utama penulis terhadap tafsiran ayat-ayat haiwan dalam al-Quran kerana hujah-hujah ilmiahnya yang baru dan terkini serta sikap pengarang yang berhati-hati berdasarkan syarat-syarat tertentu tafsiran beliau. Walaubagaimanapun beliau tidak memasukkan perbincangan mengenai tafsir ilmi dan menghuraikan konsep haiwan dalam al-Quran secara khusus.

1.10 Metodologi Kajian

Kajian ini secara umumnya menggunakan metode kualitatif dan kajian perpustakaan sepenuhnya. Adapun menurut metodologi tafsir Islam, penulis telah mempraktikkan metode tafsir tematik (bertema). Metode tematik (bertema) menurut Qadirun Nur dan Ahmad Musyafiq dalam ulasan kata pengantar bagi terjemahan buku Muhammad Ghazali (*Tafsir Tematik dalam Al-Quran*) adalah metode tafsir yang berusaha mencari jawaban al-Quran dengan cara mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tujuan tertentu, yang sama-sama membahas topik atau judul tertentu dan menyusunnya sesuai dengan masa turunnya selaras dengan sebab-sebab turunnya. Kemudian memperhatikan ayat-ayat tersebut dengan penjelasan-penjelasan, keterangan-keterangan, hubungan-hubungannya dengan ayat-ayat lain, kemudian menyimpulkan kandungannya.

Secara umumnya dua bentuk kaedah tafsir tematik (bertema), iaitu:

- (1) Memilih satu surah daripada surah al-Quran dan membahasnya secara menyeluruh.
- (2) Memilih satu tajuk dan menghimpunkan ayat-ayat al-Quran dan pelbagai surah yang berkaitan dengan tajuk atau tema yang dikaji. (Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad, 2012)

Penulisan kajian ini menggunakan kaedah kedua iaitu membincangkan tajuk haiwan dalam al-Quran. Oleh itu proses penafsiran berdasarkan kaedah berikut:

- (1) Menghimpunkan nama-nama surah yang menggunakan nama haiwan seperti surah *al-Baqarah* (sapi betina), *al-An'am* (binatang ternak) dan *an-Nahl* (lebah).
- (2) Menghimpunkan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perkataan haiwan sama ada yang disebut secara khusus seperti lebah, lalat, nyamuk atau secara umum seperti haiwan ternakan, buruan dan burung.
- (3) Menafsirkan ayat-ayat lebah, labah-labah dan semut.

1.10.1 Sebab Kaedah ini Dipilih

Penyelidikan tentang tafsir ilmi mengikut kaedah tafsir ilmiah adalah untuk menjelaskan ayat-ayat al-Quran secara logik dan saintifik. Kaedah tafsir ini adalah untuk menyerlah nilai ilmu pengetahuan sama ada kajian melalui perpustakaan atau lapangan. Kajian tafsir untuk menjelaskan maksud ayat-ayat al-Quran tentang kejadian alam tabi'e (natural) termasuk kejadian alam manusia, haiwan, tumbuhan, langit, bumi, sungai, laut dan sebagainya. (Quraish Shihab, 1996)

Kaedah tafsir ini menafsirkan prinsip sains al-Quran yang berkaitan dengan sains tabi'e atau sains natural secara ilmiah untuk mengenal Allah sebagai pencipta. Kaedah penafsiran ilmiah ini juga digunakan ahli falsafah Islam pada zaman keemasan tamadun al-Quran (650-1250 M) (Nasution, 1975). Pendekatan kaedah tafsir tematik dengan kaedah tafsir ilmiah telah berjaya melahirkan ahli saintis Islam pada zaman keemasan Islam lebih 600 tahun (650-1250 M). Demikian juga kaedah ini boleh diguna untuk melahirkan saintis Islam di zaman moden ini apabila berlaku kesepaduan konsep falsafah sains al-Quran dengan sains moden. (Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad, 2012)

1.11 Kesimpulan

Masyarakat hari ini mementingkan asas ilmu yang kukuh seperti ilmu sains. Ilmu-ilmu sains ini semakin hari semakin berkembang dan menyumbangkan banyak kebaikan kepada manusia. Tapi kita juga tidak boleh menafikan sumbangannya terhadap kerosakan alam dan hidup manusia. Bagi membetulkan perkara ini kita harus kembali merujuk al-Quran. Bagi mengembalikan al-Quran sebagai rujukan utama kita perlu menonjolkan kehebatannya. Salah satu caranya ialah menghuraikan al-Quran menurut kefahaman ilmu masyarakat itu sendiri iaitu sains. Kita harus membuktikan bahawa al-

Quran ini mampu berbicara dengan mereka dalam segala bidang ilmu. Itulah kemukjizatan al-Quran sebagai panduan umat manusia sehingga akhir zaman.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Karim Najib al-Khatib (2008). *Madu Lebah: Ubat yang Turun Bersama Wahyu*.

Ed. Pertama, Batu Cave: Pustaka Ilmi (Wisma Ilmi).

Abdul Majid Abdus Salam Al-Muhtasib (1997). *Visi dan Paradigma Tafsir al-Qur'an Kontemporer*. Terj. Moh Maghfur Wachid. Bangil Jatim: Al Izzah.

Abdul Rahman Hj. Abdullah (2010). *Wacana Falsafah Sains : Sejarah Dan Pemikiran*.

Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.

Afzalur Rahman (1994). *Indeks Al-Quran*. Terj. Yusof Ismail. Kuala Lumpur:

Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

Ahmad Bahjat (2001). *Kisah-kisah Haiwan Dalam Al-Quran*. Terj. Sohair Abdel

Moneim Sery, Zawati bt. Yusof, dan Ali bin L.Shaari. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd.

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001), *Tafsir Al-Maraghiy*. Terj. Muhammad Thalib.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Umar Abu Hajar (2001). *Tafsir 'Ilmi li Al-Qurani fi Al-Mizan*. Cetakan Kedua.

Beirut: Dar Al-Madar Al-Islami

Ahmad Sunawari Long (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*.

Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Andi Rosadisastra (2007). *Metode Tafsir Ayat-ayat Sains dan Sosial*. Jakarta: Amzah.

Azhar Muhammad (2008). *Perumpamaan Al-Quran*. Johor Darul Takzim: Penerbit

Universiti Teknologi Malaysia.

Danial Zainal Abidin (2007). *Quran Sainifik: Meneroka Kecemerlangan Quran daripada Teropong Sains*. Ed. Pertama. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Harun Yahya (1999). *For Men of Understanding*. United Kingdom: Ta-Ha Publisher.

- Harun Yahya (2006). *An Index To The Qur'an*. New Delhi: Idara Isha'at-E-Diniyat (P) Ltd.
- 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir, Ibn al-Kahtir (2007). *Terjemah Ringkas Tafsir Ibnu Kathier*. Terj. H. Salim Bahreisy dan H. Said Bahreisy. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Israr Ahmed (1993). *Tuntutan Al-Quran Ke Atas Orang Mukmin*. Terj. Nora Salleh. Kuala Lumpur: Dinie Publisher.
- Jamal al-Din Muhammad b. Mukram Ibn Manzur (1968). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Jamaluddin Mahran dan Dr. 'Abdul 'Azham Hafna Mubasyir (2005). *Al-Quran Bertutur Tentang Makanan dan Obat-obatan*. Ed. Pertama, Yogyakarta: Mitra Pustaka.
- Jejen Musfah (2007). *Indeks Al-Quran -Praktis-*. Bandung: Mizan Media.
- Lokman Ab. Rahman (1996). *Senario Masa Hadapan Ummah*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- Osman Bakar (1993). *Islam dan Pemikiran Sains Masa Kini*. Cetakan Kedua. Petaling Jaya: Mekar Publishers.
- Mazlan Ibrahim (2002). *Sejarah dan Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir 'Ilmi*. Ed. Pertama. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohamed Salleh (1992), *Rahsia Pengungkapan Serangga Dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Syamil Mohd Yusuff (2010). *Hebatnya Al-Quran Jika Kamu Berfikir*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn.Bhd.
- Mohd Izzuddin (t.th). *Pendekatan Tafsir Bertemakan Sains dan Teknologi Pada Era Tranformasi Sains dan Teknologi*. Johor Bahru: Jurnal Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mokhtar Petah (1995). *Rahsia Dari Al-Quran Haiwan Serangga dan Manusia*. Ed. Pertama. Ampang: Citakhidmat (M) Sdn.Bhd.
- Muhammad bin Bahadir bin Abdullah Al-Zarkasyi (2006). *Al-Burhan fi Al-'Ulum Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Hadith.

- Muhammad Abdul Quasem (1983). *Mutiara Al-Quran Imam Al-Ghazali*. Terj. Abdul Rahman Rukaini. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Muhammad Abd Al-'Adhim Al-Zarqani (2008). *Manahil Al-'Irfan fi Al-'Ulum Al-Quran*. Kaherah: Maktabah Tawfikiya.
- Muhammad Ali Ridla'iy Al-Asfahaniy (t.th). *Tafsir Ilmiah Terhadap al-Quran*.
- Muhammad Ghazali (2005). *Tafsir Tematik Dalam Al-Qur'an*. Terj. Qodirun Nur dan Ahmad Musyafiq. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy (1980). *Sejarah dan Pengantar Ilmu Al-Quran / Tafsir*. Cetakan Kelapan. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Muhammad Hussain al-Zahabi (2006). *Aliran yang Menyeleweng dalam Penafsiran Al-Quran Al-Karim*. Ed. Pertama, Batu Cave: Pustaka Ilmi (Wisma Ilmi).
- Muhammad Kamil Abdushshamad (2007). *Mukjizat Ilmiah Dalam Al-Quran*. Terj. Alimin, Gha'neim Ihsan dan Uzair Hamdan. Jakarta: Akhbar Media Eka Sarana.
- Muhammad Tahir Ibn Asyur (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunisia li al-Nashr.
- Nashruddin Baidan (2005). *Wawasan Baru Ilmu Tafsir*. Cetakan Pertama. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Noraine Abu (1997). *Al-Quran Mukjizat yang Terbesar Nabi Muhammad S.A.W*. Ed. Ketiga. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publisher.
- Noor Hashimah Razalli, (1995). *Ayat-ayat kawuniyat dalam surah Yasin : Satu kajian ke arah kemantapan iman individu muslim*. Kuala Lumpur: Latihan ilmiah, Universiti Malaya.
- Quraish Shihab (1996), *Membumikan Al-Quran: Fungsi dan Peranan Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Ridwan Jamal al-Athrash (2007). *Risalah fi Al-I'jaz Al-Qurani*. Ed. Pertama, Kuala Lumpur: Mulia Erat Sdn.Bhd.
- Shalah Abdul Qadir Al-Bakriy (1983). *Al-Quran dan Pembinaan Insan*. Terj. Abu Laila dan Muhammad Tohir. Bandung : PT Al-Ma'arif
- Siti Zubaidah, Norsuhana, dan Fatan Hamamah (2012). *Penggunaan haiwan bagi perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat pribumi di Asia: Satu ulasan*.

- Malaysia Journal of Society and Space. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.
- Subhi As-Shalih (1990). *Membahas Ilmu-ilmu Al-Quran*. Terj. Tim Pustaka Firdaus. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Sukmadjaja Asyarie dan Rosy Yusuf (1984). *Indeks Al-Quran*. Bandung : Penerbit Pustaka.
- Taufiq 'Ulwan (2009). *Ketika Allah Memperlihatkan Kuasa-Nya Mengungkap Rahsia Ayat-Ayat Kauniah*. Terj. Fuad Syaifuddin Nur. Jakarta: Almahira.
- Wan Zahari, Mohd Hamim dan Abdul Rahman (t.th). *Hubungan Manusia dengan Haiwan dalam Warisan Perubatan dan Kepentingan Haiwan dalam Aspek Pemakanan dan Kesihatan Manusia*. Kota Bharu: Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti malaysia Kelantan (UMK).
- Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad (2012). *Falsafah Ilmu dalam Al-Quran: (Ontologi, epistemologi, dan aksiologi)*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaghlul Raghrib Muhammad An-Najjar (2010). *Min Ayat Al-I'jaz Al-'Ilmi Al-Hayawan fi Al-Quran Al-Karim*. Beirut: Dar al-ma'rifah.
- Zamani Ahmad (2012). *Tafsir Surah An-Naml dari Perspektif Sains dan Sejarah*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn.Bhd.